

41
Soalan No: 23

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN SIVAKUMAR VARATHARAJU NAIDU
[BATU GAJAH]

TARIKH : 25.10.2017

SOALAN :

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah murid yang menerima bantuan Rancangan Makanan Tambahan (RMT). Apakah syarat-syarat kelayakan untuk menerima bantuan RMT dan adakah Kementerian mempunyai cadangan untuk memperbaiki syarat-syarat tersebut dalam tempoh terdekat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi Tahun 2017, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) memperuntukkan Bantuan Rancangan Makanan Tambahan 1Malaysia (RMT1M) yang merangkumi Rancangan Makanan Tambahan (RMT) dan Program Susu 1Malaysia (PS1M) kepada murid yang layak. Jumlah penerima RMT ialah 771,090 orang murid dan penerima PS1M sebanyak 757,010 orang murid.

Kriteria kelayakan bagi penerima RMT1M:

- 1) Murid warganegara Malaysia dari Tahun 1 hingga Tahun 6 di semua sekolah kerajaan dan sekolah bantuan kerajaan;

- 2) Pendapatan Ketua Isi Rumah (KIR) adalah di bawah Paras Garis Kemiskinan (PGK) nasional semasa;
- 3) Murid di sekolah Orang Asli/Penan dan Murid Berkeperluan Khas (OKU); dan
- 4) Murid yang tinggal di asrama tidak layak menerima RMT1M.

Pihak KPM dari semasa ke semasa sentiasa menyemak dan mencadangkan penambahbaikan berterusan bagi pelaksanaan bantuan RMT1M ini untuk pertimbangan dan kelulusan agensi pusat.

RJM01